

13 JAN 2000

Razaleigh-Petisyen

BEBERAPA PETISYEN BATAL KEPUTUSAN P/RAYA AKAN DIFAILKAN

KOTA BAHARU, 13 Jan (Bernama) -- Beberapa petisyen membatalkan keputusan pilihan raya ke-10 lepas untuk beberapa kawasan di Kelantan akan difailkan kerana dipercayai ada unsur-unsur penyelewengan, kata pengerusi badan perhubungan Umno negeri Tengku Razaleigh Hamzah.

Katanya, perkara itu telah diserahkan kepada panel peguam Umno untuk memberi nasihat.

"Kita (Umno) sememangnya tidak mahu penyelewengan mempengaruhi keputusan pilihan raya ... rasuah menggunakan wang, menggunakan pengaruh," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa Umno Kelantan di sini hari ini.

Pada 6 Jan lepas, seorang guru bersara mengemukakan petisyen di Mahkamah Tinggi di sini untuk membatalkan keputusan pilihan raya lepas bagi kawasan parlimen Pasir Mas kerana didakwa wujud perbuatan rasuah.

Pada pilihan raya bagi kawasan itu, calon PAS Ismail Noh memperoleh 23,967 undi menewaskan calon Barisan Nasional (BN) Datuk Ibrahim Ali yang memperoleh 15,392 undi.

Tengku Razaleigh berkata petisyen berikutnya yang akan difailkan melibatkan kawasan parlimen Jeli dan Peringat.

Bagi parlimen Jeli, calon PAS Mohamad Apandi Mohamad memperoleh 15,523 undi menewaskan calon BN Datuk Mustapa Mohamed yang mendapat 14,830 undi.

Bagi parlimen Peringat, calon Parti Keadilan Nasional Muhammad Mustafa mendapat 19,481 undi mengalahkan calon BN Datuk Annuar Musa yang memperoleh 14,956 undi.

Tengku Razaleigh juga berkata mesyuarat jawatankuasa Umno Kelantan hari ini membuat keputusan menyerahkan kepada cawangan dan bahagian menentukan sama ada jawatan presiden dan timbalan presiden Umno tidak ditandingi pada pemilihan parti itu Mei ini.

Katanya, Umno Kelantan menghormati pendirian Majlis Tertinggi (MT) yang sebulat suara mencadangkan supaya jawatan presiden dan timbalan presiden tidak ditandingi pada pemilihan Umno akan datang.

MT membuat pendirian supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula sebagai presiden dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan sebagai timbalan presiden.

Dalam masa yang sama, Tengku Razaleigh berkata Umno Kelantan menghormati kenyataan Dr Mahathir yang berkata terserah kepada semua bahagian Umno sama ada mahu mengikut cadangan MT itu.

-- BERNAMA

BD THG